

KUALITI HIDUP MALAYSIA

MALAYSIAN QUALITY OF LIFE

2002



KATA-KATA ALUAN Foreword

Saya berasa gembira laporan ini dapat diterbitkan untuk menyusul laporan perintis Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999. Laporan pertama dahulu mengandungi Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) yang merintis penggunaan pendekatan kuantitatif dalam menilai kemajuan yang dicapai ke arah meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Laporan kedua ini pula memperbaiki lagi kandungan laporan terdahulu, dengan itu membolehkan penilaian yang berterusan terhadap usaha-usaha pembangunan yang dilaksanakan sejak negara mencapai kemerdekaan.

Tempoh yang diliputi dalam laporan ini, secara amnya adalah bersamaan dengan dekad terakhir bagi abad kedua puluh dan juga tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua yang mengandungi Dasar Pembangunan Nasional. Di bahagian pertama tempoh tersebut kita telah menyaksikan kadar pertumbuhan yang tinggi. Namun, negara telah terjejas teruk oleh krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan 1998. Walaupun mengalami kesan negatif daripada krisis tersebut, kita telah berjaya meningkatkan kualiti

I am delighted to note that this report is being published in quick succession to the pioneering Malaysian Quality of Life Report 1999. The first report contained the Malaysian Quality of Life Index (MQLI) which attempted a quantitative approach in assessing the progress made in enhancing the quality of life of Malaysians. This second report builds on the contents of its predecessor, thus enabling the continued assessment of the development efforts undertaken since the country attained independence.

I note that the period covered in this report generally coincides with the last decade of the twentieth century and the duration of the Second Outline Perspective Plan, which embodied the National Development Policy. While the first part of the period was characterized by high growth, this country was adversely affected by the Asian financial crisis in 1997 and 1998. Despite facing the negative consequences of the crisis we have been successful in pushing the quality of life for all Malaysians a few notches higher. It must, however, be borne in mind that the success attained was not

hidup rakyat Malaysia ke beberapa tahap yang lebih tinggi. Bagaimanapun, kita harus ingat bahawa kejayaan yang dinikmati bukanlah secara kebetulan tetapi adalah hasil daripada komitmen padu Kerajaan bagi memastikan kualiti hidup rakyat sentiasa ditingkatkan. Komitmen kita kepada prinsip pembangunan ini telah menghindarkan negara daripada mengalami rusuhan sosial sebagaimana terjadi di negara-negara lain di rantau ini semasa krisis kewangan Asia.

Laporan kedua ini mengandungi indeks komposit untuk menilai kualiti hidup di kawasan bandar di Malaysia serta hasil kajian mengenai tanggapan penerima faedah daripada usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti hidup di kawasan bandar. Keutamaan ini tepat sekali memandangkan proses perbandaran yang pesat berlaku dalam negara sejak tiga dekad yang lalu. Dalam kajian persepsi, sebahagian besar responden di pusat bandar yang dipilih telah menyatakan bahawa mereka amat berpuas hati dengan kualiti hidup di kawasan masing-masing. Ini menunjukkan bahawa dasar-dasar Kerajaan dan pelaburan berkaitan yang dibuat telah mencapai matlamat sebagaimana dilihat daripada perspektif penduduk yang disasarkan.

Sungguhpun kemajuan yang telah dicapai di peringkat nasional dan di kawasan bandar adalah amat membanggakan, namun masih terdapat lagi kawasan-kawasan di mana pencapaiannya adalah rendah daripada sasaran. Saya berharap penggubal-penggubal dasar dan agensi-agensi pelaksana akan mengambil perhatian dan melaksanakan langkah-langkah segera untuk memperbaiki keadaan ini. Kita tidak boleh membiarkan sebarang kawasan ketinggalan kerana ia boleh menjejaskan keseluruhan usaha untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia. Pada masa yang sama, kita tidak seharusnya leka dengan kejayaan yang telah dicapai selama ini. Kita jangan lupa bahawa kejayaan yang dicapai pada hari ini tidak akan kekal lama sekiranya wujud sikap tidak peduli, rasa puas hati atau cuai. Usaha meningkatkan kualiti hidup seluruh rakyat Malaysia merupakan usaha berterusan di mana kita mempunyai perjalanan yang masih jauh sebelum menjadi negara maju seperti yang ingin dicapai dalam Wawasan 2020.

Sebagai penutup, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Unit Perancang Ekonomi di atas usaha mereka menerbitkan laporan ini.

fortuitous but the result of total commitment of the Government to ensure that the quality of life of the people constantly improves. Our commitment to this tenet of development has in no small measure contributed to the fact that the country was spared from the ravages of social unrest that characterized other countries in the region during the Asian financial crisis.

This second report contains a composite index to evaluate the quality of life in urban Malaysia as well as the perception of the beneficiaries of our efforts in enhancing the quality of life in the urban areas. Such a venture is most laudable given the growing urbanization of the country over the last three decades. In the perception survey, the majority of the respondents in the urban centers selected stated that they were more than satisfied with the quality of life in their respective areas. This shows that the policies of the Government and the concomitant investments made have attained the desired objectives as seen from the perspective of the target population.

While the progress attained at the national level and in the urban areas is remarkable, there are areas where the performance has fallen short of expectation. I hope that policy formulators and the implementing agencies will take note and take immediate steps to rectify the situation. We cannot allow any area to lag behind for it can be a blemish on our overall efforts to enhance the quality of life of Malaysians. At the same time, we cannot afford to bask in the successes we have attained thus far. We must never forget that the gains made to date can be reversed should indifference, complacency, or negligence set in. The journey to enhance the quality of life of all Malaysians is a continuing one for we have a long way to go before becoming a developed nation as envisioned in Vision 2020.

In conclusion let me congratulate the Economic Planning Unit for their effort in producing this report.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
Perdana Menteri, Malaysia
Prime Minister, Malaysia

Bunga Raya
Hibiscus.



KANDUNGAN Contents



KATA-KATA ALUAN FOREWORD	... ii	Kebudayaan & Liburan Culture & Leisure	... 62
PRAKATA PREFACE	... xv	Penutup Conclusion	... 67
TINJAUAN OVERVIEW	... 1	KUALITI HIDUP BANDAR MALAYSIA MALAYSIAN URBAN QUALITY OF LIFE	... 68
PERJALANAN SETERUSNYA ... THE CONTINUING JOURNEY...	... 7	Pengenalan Introduction	... 69
Pendapatan & Pengagihan Income & Distribution	... 10	Konsep Concept	... 72
Persekitaran Kerja Working Life	... 19	Tinjauan Overview	... 72
Pengangkutan & Komunikasi Transport & Communications	... 25	Pendapatan & Pengagihan Income & Distribution	... 76
Kesihatan Health	... 31	Persekitaran Kerja Working Life	... 77
Pendidikan Education	... 35	Pengangkutan & Komunikasi Transport & Communications	... 79
Perumahan Housing	... 41	Kesihatan Health	... 82
Alam Sekitar Environment	... 45	Pendidikan Education	... 84
Kehidupan Keluarga Family Life	... 51	Perumahan Housing	... 86
Penyertaan Sosial Social Participation	... 55	Alam Sekitar Environment	... 89
Keselamatan Awam Public Safety	... 58	Kehidupan Keluarga Family Life	... 94